

12/12/1999

Tajol umum portfolio 10 Exco

IPOH: Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, semalam mengumumkan portfolio 10 Exco negeri dengan beliau sendiri mempengerusikan Jawatankuasa Pembangunan dan Perancangan Ekonomi, Kewangan, Penswastaan, Keselamatan, Perumahan dan Pembangunan Tanah.

Menurutnya, seorang daripada tiga muka baru, iaitu Ketua Pemuda Umno Perak yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lubuk Merbau, Jamal Nasir Rasdi dilantik Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Tenaga Manusia, Belia dan Sukan.

Katanya, Ketua Wanita Umno negeri yang juga Adun Kampung Gajah, Ainon Khariyah Mohd Abas pula mempengerusikan Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pembangunan Masyarakat.

Jawatankuasa Hal Ehwal Kampung Baru bawah bidang tugas Menteri Besar pula akan dilaksanakan oleh Adun Pokok Assam, Ho Cheng Wang yang juga Ketua Pemuda MCA negeri. Ho turut mempengerusikan Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

"Penyenaraian portfolio dilakukan selepas berbincang dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abd Majid Hussein dan pegawai kanan kerajaan negeri," katanya di sini, semalam.

Semua Exco terbabit, termasuk tiga muka baru mengangkat sumpah di hadapan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Rabu lalu.

Exco lain ialah Datuk Ramly Zahari (Pembangunan Industri, Pembangunan Usahawan dan Penerangan); Datuk Ong Ka Chuan (Infrastruktur dan Kemudahan Awam); Datuk Mazidah Zakaria (Kebudayaan, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita); Datuk Dr Abdul Malek Md Hanafiah (Agama Islam dan Pendidikan); Datuk Chang Ko Youn (Perbandaran dan Kerajaan Tempatan); Datuk G Rajoo (Perpaduan dan Hal Ehwal Pengguna) dan Datuk Azman Mahalan (Pertanian).

Mereka yang tidak dilantik semula ialah Datuk Seri Junus Wahid yang dijangka memegang jawatan Speaker bagi menggantikan Datuk Mohamed Nazri Abdul Rahim, Datuk Lee Chee Leong dan Datuk Mohamad Zaim Abu Hassan yang gagal mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Belanja.

Menurut Tajol Rosli, nama Speaker dan Timbalan Speaker akan diumumkan sebelum 20 Disember ini selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta perkenan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah.

Katanya, Speaker dan Timbalan Speaker dijangka mengangkat sumpah pada 20 Disember ini sebelum Sidang DUN selama tiga hari mulai 28 Disember ini, termasuk pembentangan semula dan perbahasan Belanjawan Negeri 2000.

(END)